



Bersama
Mohd Shahrizal
Nasir

30-07-2018

addin

19

HARIAN METRO

Setiap ibu bapa yang beragama Islam pastinya mengimpikan ada dalam kalangan anak mereka ada yang menghafal al-Quran.

Sememangnya satu impian mulia meskipun ibu bapa itu ada yang tidak mahir membaca al-Quran. Al-Quran mengandungi pelbagai cabang ilmu dan ukhrawi. Ia kitab yang diturunkan kepada umat manusia yang mengandungi perintah dan pandangan ilahi.

Hal ini bukan takwilan ulama sebaliknya dijelaskan Allah SWT di dalam al-Quran menerusi firman-Nya bermaksud:

“(Al-Quran ini) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad). Kitab yang banyak faedah dan manfaatnya untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang yang berakal sempurna berfikir mengambil iktibar.” (Surah Sad, ayat 29)

Apa lagi yang ingin kita rangkan mengenai kelebihan orang yang membaca, memahami maksud ayat al-Quran serta menjaga al-Quran dalam hati mereka.

Orang yang mendekati dan dirinya kepada al-Quran akan dapat keistia-

Ganjaran hafal al-Quran

Hidup berkat lidah sentiasa membaca ayat suci Kalamullah

mewaan luar biasa seperti yang dijanjikan.

Usaha menghafal al-Quran bermakna seseorang individu itu lidahnya sentiasa dibasahi dengan Kalamullah.

Sabda Rasulullah SAW bermaksud: “Sesapa membaca satu huruf daripada al-Quran, baginya satu kebaikan. Satu kebaikan akan digandakan sepuluh. Aku tidak mengatakan ‘alif lam mim’ itu satu huruf, akan tetapi, alif satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf.” (Hadis riwayat al-Tirmidzi)

Cuba bayangkan kita dapat melihat anak sendiri memanfaatkan masa dalam kehidupannya, membaca dan menghafal ayat al-Quran.

Tidak perlu lagi disuruh, mereka akan membaca al-Quran pada setiap masa kerana itu sudah menjadi tuntutan kerana usahanya yang sedang menghafal al-Quran.

Berapakah agaknya pahala kebaikan yang bakal diterima oleh dirinya? Apa yang pasti, ibu bapa

juga turut menerima saham kebaikan daripada usaha anak itu.

Persepsi negatif yang dilemparkan sesetengah pihak mengenai institusi tahfiz di negara ini perlu diperbetulkan.

Tidak dinafikan wujudnya pihak tidak bertanggungjawab menggunakan label maahad tahfiz atau sekolah tahfiz untuk menigutip habuan dunia seperti mengutip derma secara salah, namun hal itu tidak boleh dijadikan alasan untuk melemparkan persepsi negatif terhadap institusi tahfiz secara total.

Pihak kerajaan contohnya perlu melihat ruang penyediaan bantuan kepada sekolah tahfiz khususnya yang dibuka secara persendirian.

Colongan akademik pula boleh membantu pihak tahfiz memperkaskan sukatan pengajian bagi anak tahfiz supaya mereka tidak mengabaikan keperluan akademik semasa.

Alumni sekolah tahfiz yang berjaya dalam pelbagai bidang perlu kembali

ke tempat mereka mengenali al-Quran untuk menyumbang tenaga, idea dan dana bagi membantu pihak institusi tahfiz.

Masyarakat juga memainkan peranan penting dalam usaha memperkaskan institusi tahfiz di negara ini.

Persepsi sekolah tahfiz tidak mampu melahirkan golongan profesional perlu dibuang jauh-jauh.

Anak yang berada di sekolah tahfiz bukan dari pada kalangan insan yang tiada harapan masa depan dan ketinggalan pelajaran.

Mereka sebenarnya permatanya yang bakal membawa rahmat kepada mereka dibantu dan disokong sepenuhnya.

Firman Allah SWT bermaksud: “Dan ini sebuah kitab (al-Quran) yang Kami turunkan, yang ada

berkatnya (banyak manfaatnya). Oleh itu, hendaklah kamu menuruti apa dan berakwala (kepada Allah), mudah-mudahan kamu beroleh rahmat.” (Surah al-An'am, ayat 155)

Usaha pihak Kementerian Pendidikan Malaysia

memperkenalkan silibus Tahfiz Ulu Albab perlu diterima kerana menawarkan pakej pembelajaran berteraskan al-Quran.

Selain itu, inisiatif lain yang sedang dilaksanakan adalah Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT).

Kurikulum ini digubal bagi melahirkan generasi yang bukan saja mampu menghafal al-Quran, juga menguasai ilmu al-Quran serta ilmu akademik lain yang turut dipelajari rakan mereka di sekolah biasa.

Semua usaha itu dijangka dapat melahirkan generasi hufaz dalam kalangan golongan profesional dalam bidang masing-masing.

Malah, golongan ini juga mempunyai pengetahuan agama yang kuat melalui penghafalan al-Quran serta ilmu berkaitan al-Quran. Itulah komitmen besar yang perlu dipertegas dan diperkaskan secara kolektif oleh semua pihak termasuk setiap individu Muslim.

jangnan ada lagi suara sumbang yang cuba merendahkan usaha pihak



Sehari sepotong ayat

Katakanlah (wahai Muhammad): “Cukuplah Allah menjadi saksi (yang mengetahui perkara yang berbangkit) antarku dengan kamu, la mengetahui segala yang ada di langit dan di bumi. Dan mereka yang percaya kepada Allah, mereka itulah orang-orang yang rugl.” (Surah al-Ankabut, ayat 52)

lain melahirkan golongan hufaz di negara ini.

Ingatlah pesanan Rasulullah SAW berkaitan al-Quran menerusi sabdanya yang bermaksud: “Sungguh dengan sebab kitab (al-Quran) ini, Allah akan mengangkat sekelompok kaum dan dengannya pula Dia akan merendahkan sekelompok kaum yang lain.” (Hadis riwayat Muslim)

Penulis penyarah Pusat Pengajian Bahasa Arab, Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), Terengganu